

Jangan sampai 'jenayah pisau' jadi ikutan remaja di Malaysia



STATISTIK dikeluarkan British Crime Survey (BCS) 2006/2007 menunjukkan kadar jenayah di England dan Wales berada pada tahap yang tidak berubah untuk beberapa tahun lalu dengan rekod 11.3 juta jenayah dilaporkan.

Pola jangka panjang merekodkan aktiviti jenayah untuk tempoh 10 tahun ini menunjukkan kadar jenayah memuncak pada 1995. Walaupun hasil kajian ini menjadi berita baik kepada kebanyakan penduduk kawasan terbabit, laporan media yang terbaru membawa perkhabaran mengejutkan.

Minggu lalu saja, lapan kes jenayah bersenjata atau 'jenayah pisau' dilaporkan berlaku di United Kingdom, dengan jumlah mangsa meningkat daripada 3,000 kepada 5,000 mangsa, kebanyakannya membabitkan golongan belia.

Selain itu, laporan akhbar *The Times* menyebut semakin ramai remaja di Britain terutama di bawah umur terbabit dalam 'jenayah pisau' ini. Jenayah pisau atau 'knife crime' kini amat menakutkan rakyat Britain.

Pada 2006, rekod menunjukkan lebih 7,000 orang didapati bersalah memiliki dan membawa pisau di tempat umum. Jalan-jalan di Britain tidak lagi selamat untuk jika berseorangan, malah keselamatan di dalam rumah juga belum tentu terjamin.

Selain jenayah pisau yang merunsingkan isi rumah, Center for Defence Studies di Kings College di London juga mendapati bilangan jenayah membabitkan senjata seperti pistol turut meningkat.

Malah, laporan *Perbadanan Penyiaran British* (BBC) menyebut London sebagai kota paling tinggi kadar jenayahnya dengan lebih 4,000 jenayah bersenjata.

Justeru, pihak berkuasa UK mengambil inisiatif segera untuk mengatasi masalah jenayah yang dilihat amat mengusutkan itu. Bagi tujuan itu, program khusus dinamakan 'Tackling Gangs Action Programme' (TGAP) diumumkan bertujuan mengurangkan kadar jenayah belia dan remaja.

Pendekatan digunakan ialah dengan memantau rekod semua kesalahan jenayah bersenjata, selain mengenal pasti ciri-ciri kumpulan yang terbabit serta persepsi masyarakat.

Penemuan pendekatan berbentuk kajian ini antara lain mendapati 92 peratus maklumat direkodkan adalah selari dengan data polis. Misalnya, mereka yang mempunyai rekod jenayah adalah golongan sama seperti direkodkan TGAP. Golongan paling dominan terbabit pula terdiri daripada belia berumur lingkungan 20-an, 98 peratus lelaki serta di kalangan kulit hitam (75 peratus).

Walaupun laporan media agak mehias terhadap jenayah yang berlaku ini, tulisan seorang kolumnis dalam *The Times* baru-baru ini berpendapat 'laporan yang menyatakan ramai anak muda membawa pisau bersama-sama mereka tidak kira untuk tujuan perlindungan atau atas se-

bab lain membuatkan lebih ramai belia lain turut terdorong membawa pisau ke mana-mana'.

Meskipun ulasan ini ada kebenarannya, saya berpendapat laporan media terhadap berita sedemikian adalah perlu. Namun, ia perlu dilandaskan kepada statistik tepat, supaya berita itu tidak menyebabkan panik yang tidak sepatutnya di kalangan masyarakat.

Di sinilah keikhlasan media dalam melapor berita teruji dari segi matlamat laporan serta kebertanggungjawaban berita yang disiarkan, sama ada untuk kemalalahan umum atau bermotifkan untung yang bertunjangkan berita sensasi semata-mata.

Daripada pemerhatian, senario di Malaysia juga tidak begitu 'selamat'. Ada laporan yang saya baca sehingga 2006 menunjukkan kadar jenayah di Malaysia meningkat 15 peratus. Peningkatan ini, serta kadar jenayah di kalangan golongan muda yang merunsingkan di UK memberi isyarat kepada masyarakat Malaysia supaya belajar daripada keadaan yang melanda negara maju ini.

Institusi keluarga dan pendidikan agama yang lemah dilihat antara punca kemerosotan moral di kalangan warga Britain seharusnya mengingatkan masyarakat Malaysia tidak mengira umur mengenai keperluan pendidikan keibubapaan yang berkesan dan menyeluruh dalam mendidik si kecil.

Walaupun ini bukanlah satu-satunya faktor yang mendorong kepada kegiatan jenayah di dunia, pastinya pendidikan pada usia muda amat penting sebagai langkah awal memupuk nilai baik serta menyemai sikap mengecam baik buruk perbuatan.

Ada berita dalam akhbar di UK yang melaporkan terdapat ibu bapa yang tidak mahu mempunyai anak kerana takut anak mereka dibunuh atau membunuh. Adakah ini penyelesaian terhadap isu ini? Nyatanya mengelak daripada mempunyai anak kerana risaukan dia terbabit atau menjadi mangsa jenayah bukanlah penyelesaian.

Pemikiran sebegini menunjukkan sikap ibu bapa yang sekadar ingin melepaskan diri daripada tanggungjawab atau satu bentuk 'escapisme', lari daripada fitrah sebenar dalam konsep keibubapaan.

Jelas, tiada jalan singkat terhadap isu yang membuatkan Perdana Menteri Britain, Gordon Brown bersuara mengenai hukuman terbaru dikenakan terhadap belia yang ditangkap kerana kesalahan membawa pisau.

Laporan *The Daily Mirror* menunjukkan tahap kerisauan Brown ini yang melaksanakan hukuman penjara secara automatik atau/dan khidmat sosial yang berat seperti membersihkan jalan dan grafiti sehingga mencecah 300 jam berada di tahap yang boleh diklasifikasikan sebagai 'masalah umum yang perlukan tindakan segera yang berkesan'.

Walau apa sekalipun tindakan dan hukuman yang diputuskan, pengajarannya jelas, semoga kekalutan di Britain ini membuka mata masyarakat Malaysia mengenai peri pentingnya untuk tidak alpa dalam mendidik generasi muda.

Penulis sedang mengikuti pengajian PhD di Nottingham Trent University, United Kingdom.